

26/06/2003

Dr Mahathir amal tradisi kepemimpinan Melayu

KUALA LUMPUR: Permuafakatan yang menekankan keharmonian dan peralihan kuasa dengan aman, mengelakkan konfrontasi serta konflik adalah tradisi kepemimpinan bangsa Melayu yang berjaya ditunjukkan Perdana Menteri, Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Tan

Sri Abdullah Ahmad berkata, Dr Mahathir menegaskan bahawa sudah menjadi tradisi Umno, timbalan presiden mengambil alih jawatan presiden apabila tiba masanya.

Berucap sempena Hari Kepemimpinan Global, JP Morgan, bertemakan 'Kepemimpinan' semalam, beliau berkata, Presiden baru pula akan memilih Timbalannya yang akan disokong ahli menerusi Perhimpunan Agung Umno.

"Pertimbangan tertentu turut diambil kira kerana apabila tradisi Umno tidak dipatuhi, ia menyebabkan berlakunya krisis buruk dalam parti seperti

pada 1987 di mana berlaku perebutan jawatan presiden dan timbalan presiden, menyebabkan Umno diisytiharkan tidak sah serta ditubuhkan Umno Baru," katanya.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif dan Ketua Eksekutif JP Morgan Chase Bank

Bhd, Fauziah Hisham. Majlis yang kali kedua diadakan itu selari dengan Hari Kepemimpinan Global 2003 yang turut disambut di seluruh dunia dengan

tema Sikap, Pelaksanaan dan Pelanggan.

Abdullah berkata, Perdana Menteri sekali lagi membuktikan kepemimpinan luar biasanya dengan menasihatkan ahli Umno supaya mengekalkan tradisi parti yang tidak mencabar jawatan Timbalan Presiden.

Dr Mahathir melakukan demikian bagi memastikan keamanan dan peralihan kuasa kepemimpinan berjalan lancar serta meninggalkan parti yang stabil dan bersatu kepada penggantinya.

"Perdana Menteri percaya demokrasi tanpa parti yang kukuh tidak membawa

makna. Berikutan kekukuhan dan perpaduan parti, beliau menamakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir pernah berkata pada 1997; "Anda perlu memimpin dan perlu sensitif dengan apa yang pengikut fikirkan tetapi jika

anda turutkan apa yang mereka mahu anda bukan seorang pemimpin.

Bagaimanapun, tidak mencukupi jika pemimpin sekadar memenuhi kehendak pengikut kerana pemimpin sebenar adalah apabila mendapat kepercayaan sepenuhnya daripada mereka walaupun ia mengambil tindakan di luar jangkaan.

Abdullah berkata, sudah lebih 22 tahun Dr Mahathir menjadi Presiden Umno

dan Perdana Menteri dan beliau berjaya melalui pelbagai ujian getir.

Katanya, kepemimpinan sekarang adalah tanggungjawab yang berat kerana hasilnya bukan saja diukur dari segi keuntungan kepada kumpulan tetapi

kebijaksanaan kepada individu yang dipilih.

"Selain itu, ia juga membabitkan kepercayaan, keyakinan dan juga kasih sayang. Dalam arena politik khususnya, kepemimpinan perlu disusuli dengan kejujuran dan kerja keras tetapi bukannya hanya berdasarkan ucapan, slogan rekaan atau karisma kosong," katanya.

Beliau berkata, keupayaan menguruskan orang kepada satu tujuan bergantung kepada kemahiran dan bakat kerana kejayaan atau kegagalan sesebuah organisasi bergantung kepada kualiti kepemimpinan.